

Bermula: Jan 2006

Kemaskini : November 2010

Nama Stesen STESEN METEOROLOGI LUBUK MERBAU	Nombor W.M.O 48623	Lat N 4°48'0	Long E 100° 54'	Altitud (m) 77.2
Agensi JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA	Kategori STESEN UTAMA METEOROLOGI MALAYSIA		Bermula Operasi 1993	Status AKTIF
Negeri PERAK	Alamat Pos Ketua Stesen Stesen Meteorologi Lubuk Merbau 33010 Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.		Peralatan 1. AWS 2. Tolok Hujan 3. Tangki Sejatan	Jenis Pencerapan 1. Metar 2. Speci 3. Synop
Lokasi/Bagaimana Ke Sana Terletak kira-kira 2km dari Lebuhraya Tol Plaza Kuala Kangsar ke Grik.				Masa Pencerapan Stesen 24 Jam
Orang Dihubungi Ketua Stesen	No. Tel 603-79678222	No. Faks 605-7766113	No. Rujukan Fail JMM.COM30SP/758 /L341 JLD2	Bil.Staff 5 + 1

GAMBAR




IKLIM DI STESEN METEOROLOGI LUBOK MERBAU

Stesen Meteorologi Lubok Merbau berkoordinat 4°48'0N 100°54'E bertempat di mukim Lubok Merbau yang mana merupakan mukim yang terkecil terletak di daerah Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan. Stesen ini telah memulakan operasinya sejak tahun 1982 dengan membuat pencerapan data bagi hujan, suhu, kelembapan relatif, sejatan dan sinaran matahari.

HUJAN

Dengan merujuk kepada **Rajah 1**, didapati kuantiti hujan yang dicatatkan oleh Stesen Meteorologi Lubok Merbau dilihat meningkat pada bulan April dan seterusnya kembali menurun dan meningkat semula menjelang bulan Oktober. Bulan Oktober mencatatkan kuantiti hujan paling tinggi bagi Stesen Meteorologi Lubok Merbau. Melalui corak yang ditunjukkan dalam **Rajah 1** boleh dikatakan bahawa kawasan Lubok Merbau banyak dipengaruhi oleh musim peralihan monsun yang berlaku sekitar bulan April hingga Mei dan September hingga Oktober. Semasa musim-musim peralihan monsun, angin pada amnya berkelajuan lemah dan arahnya berubah-ubah. Pada kedua-dua musim ini, palung khatulistiwa merentangi Malaysia.




Rajah 1 Purata Hujan Bulanan

SUHU

Sebagai sebuah negara yang terletak di khatulistiwa, Malaysia mengalami suhu yang sekata sepanjang tahun. Perbezaan tahunan suhunya adalah kurang daripada 2°C kecuali bagi kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia yang kerap dipengaruhi oleh luran angin sejuk dari Siberia semasa monsun timur laut. Seperti yang dipaparkan pada **Rajah 2** di atas, didapati suhu adalah tinggi sekitar Mac hingga Jun dan paling tinggi pada bulan Mei. Walaubagaimanapun, suhu didapati paling rendah sekitar Oktober hingga November. Suhu berkait rapat dengan hujan, jumlah hujan yang tinggi pada bulan Oktober

menyebabkan suhu rendah pada bulan tersebut akibat hasil daripada hujan dan litupan awan.



Rajah 2 Purata Suhu Bulanan

KELEMBAPAN RELATIF

Seperti yang diketahui, Malaysia mempunyai kelembapan yang tinggi. Purata kelembapan bandingan bulannya adalah diantara 10% hingga 90%, berubah mengikut tempat dan bulan. **Rajah 3** menunjukkan corak kelembapan relatif bagi kawasan Lubok Merbau yang direkodkan oleh Stesen Meteorologi Lubok Merbau. Didapati kelembapan tertinggi dicatatkan pada bulan Oktober hingga November dan paling rendah pada bulan Februari. Adalah diperhatikan bahawa di Semenanjung Malaysia, kelembapan bandingan minimum biasanya terdapat pada bulan Januari dan Februari kecuali bagi negeri-negeri pantai timur iaitu Kelantan dan Terengganu di mana kelembapan bandingan minimumnya adalah pada bulan Mac. Kelembapan bandingan maksimum pula lazimnya adalah pada bulan November. Perubahan harian kelembapan bandingan adalah lebih besar berbanding dengan perubahan tahunan. Purata minimum hariannya boleh serendah 42% semasa bulan-bulan kering dan menghampiri setinggi 70% semasa bulan-bulan lembab. Bagaimanapun purata harian maksimumnya pula tidak banyak berubah iaitu melebihi 94% dan mungkin mencapai setinggi 100%. Negeri-negeri di barat laut iaitu Kedah dan Perlis mempunyai perubahan kelembapan bandingan harian terbesar.

Rajah 3 Purata Kelembapan Bulanan

